

# **Tanggungjawab Keselamatan Oleh Majikan Industri Kecil Desa Di Tiga Buah Kampung Mukim Ulu Lepar, Daerah Kuantan, Pahang**

Abdul Wahid Bin Mukhari & Muis Bin Haji Awang Kechik

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kemajuan di dalam sektor perindustrian mewujudkan pelbagai persaingan kepada semua pihak majikan. Walaubagaimanapun, persaingan dari segi penjagaan keselamatan pekerja adalah amat penting bagi menjamin reputasi sesebuah syarikat. Untuk itu, satu kajian yang menyentuh berkenaan dengan tanggungjawab majikan terhadap keselamatan pekerja telah dijalankan. Matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sejauh mana pihak majikan telah melaksanakan kewajipannya terhadap keselamatan pekerja bagi menjamin keselamatan pekerja berada di tahap yang diperlukan. Kajian ini telah dijalankan ke atas pihak-pihak majikan industri kecil desa di tiga buah kampung Mukim Ulu Lepar, Daerah Kuantan, Pahang. Data dan maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 12.0 serta analisis deskriptif berbentuk frekuensi dan peratusan. Dapatkan kajian menunjukkan walaupun pihak majikan telah menjalankan tanggungjawabnya terhadap keselamatan pekerja, namun masih lagi terdapat beberapa kekurangan seperti penyediaan peralatan keselamatan kepada pekerja.

**Abstract:** Rapid development in industrial sector has generated various competitions among employer. However, the competition of looking at the employee safety is very important to ensure the employer's reputation. For this, a study about the responsibility of the employer towards employee safety had been done. The main objective of this study is to identify how far the employers have executed their responsibility to ensure employee safety. This study had been done among employers of cottage industry at tree villages of Mukim Ulu Lepar, Kuantan in Pahang. The data and information gathered were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 12.0 for Windows using descriptive analyses such as percentage and frequency. The study showed that even though the employers have done their responsibility to the workers but there are still weaknesses such as providing safety equipment.

*Katakunci:* keselamatan, sektor perindustrian

## **Pengenalan**

Keselamatan dan kesihatan merupakan satu prioriti atau keutamaan dalam pengurusan kebajikan pekerja oleh majikan di tempat kerja. Hal ini kerana, ia mempunyai perkaitan dengan kehidupan bekerja yang berkualiti dan selamat. Bidang keselamatan dan kesihatan melibatkan pelbagai pihak baik pekerja, majikan, masyarakat dan kerajaan. Pewartaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 25 Februari 1994 telah merubah amalan majikan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja di mana mereka wajib memastikan kesejahteraan semua pekerja dengan mewujudkan persekitaran pekerjaan yang harmoni dan selamat. Di samping itu, majikan juga perlu melindungi orang-orang lain selain pekerja mereka daripada risiko keselamatan dan kesihatan akibat daripada aktiviti pekerja (Ab. Aziz Yusof, 2005). Jesteru, majikan yang berkeperihatinan tinggi terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan mempunyai kaitan langsung dengan produktiviti dan kelangsungan sesebuah organisasi.

## **Pernyataan Masalah**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan Industri Kecil Desa di tiga buah kampung Mukim Ulu Lepar, di Daerah Kuantan, Pahang dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap aspek keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan dalam mempraktikkan tanggungjawabnya terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja.
2. Mengenalpati tahap penglibatan pihak majikan dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan.
3. Mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan dalam memberikan motivasi bekerja kepada pekerjanya.

## **Kepentingan Kajian**

1. Dapatkan kajian ini diharap dapat digunakan oleh pihak-pihak bertanggungjawab bagi mengemaskinikan lagi program-program yang berpaksikan amalan keselamatan pada masa akan datang.
2. Pihak majikan dan pengurus sesebuah industri dapat mengadakan ceramah, kursus dan seminar untuk pekerja-pekerjanya bagi meningkatkan tahap ilmu pengetahuan dalam keselamatan ketika bekerja
3. Di harap para pekerja dapat mengubah sikap negatif tentang amalan keselamatan di samping senantiasa meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kepekaan terhadap amalan keselamatan di industri.
4. Para pekerja dapat mengubah perlakuan negatif mereka semasa melakukan kerja-kerja dan dapat meningkatkan kesedaran yang tinggi mengenai betapa pentingnya amalan keselamatan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

## **Skop Kajian**

Berdasarkan takrif yang diberikan oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), industri desa ialah perusahaan kecil yang terletak di desa atau kampung, di usahakan oleh masyarakat desa bagi menghasilkan barang tradisional atau moden yang mudah dan sesuai untuk dipasarkan. Industri tersebut mungkin dimiliki dan diusahakan oleh individu, kumpulan ataupun oleh keseluruhan masyarakat desa melalui koperasi atau syarikat yang berbentuk perkongsian berhad ataupun syarikat berhad atau syarikat kerjasama (Ibrahim Hj. Nerek, 1984)

Berpaksikan kepada konsep yang diutarakan seperti di atas, dengan maklumat-maklumat tersebut penulis telah skopkan kajiannya kepada beberapa aspek tertentu sahaja. Batasan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Pihak majikan yang dikaji terdiri daripada di kalangan majikan yang masih aktif di industri kecil desa seperti berikut :
  - i. Industri desa berdasarkan sumber rimba seperti kayu, rotan, dan mengkuang. Jenis keluaran yang dihasilkan ialah perabot, ukiran, bakul, talam, beg tangan, tudung saji, topi, selipar.
  - ii. Industri tekstil dan tenunan. Antara keluarannya ialah batik, songket, sarung, alas meja, sarung bantal dan hiasan dinding.
  - iii. Industri berdasarkan sumber mineral seperti tanah liat, perak, tembaga dan besi. Jenis keluarannya ialah labu air, pasu, tempat abu rokok, mangkuk, pisau, parang dan pasu bunga.

- iv. Industri berasaskan sumber binatang seperti tanduk dan kulit. Jenis keluaranya ialah ukiran, hulu parang/keris, tempat bunga, kompong dan rebana.
- v. Industri basah dan makanan.

## **Metodologi**

### **Persampelan**

Kajian ini dijalankan di tiga buah kampung Mukim Ulu Lepar, daerah Kuantan, Pahang. Kampung yang terlibat dalam kajian adalah Kampung Paya Rambutan, Kampung Gelugor dan Kampung Paya Bungor. Pengkaji memilih lokasi kajian di sini kerana berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada temubual dengan ketua kampung di tiga buah kampung ini hasilnya didapati masih terdapat ramai dikalangan orang perseorangan yang masih menjalankan perusahaan industri kecil desa khususnya industri yang berasaskan makanan yang paling banyak.

Berpaksikan kepada data yang diperolehi, jumlah bilangan majikan bagi ketiga-tiga kampung ini adalah seramai 34 orang. Disebabkan batasan kajian adalah berteraskan hanya melibatkan kepada majikan-majikan industri kecil desa di tiga buah kampung ini, maka penyelidik telah mengambil kesemua jumlah populasi yang ada iaitu seramai 34 orang majikan tersebut untuk dijadikan sampel kajian. Maka itu, sampel kajian ini adalah mencakupi semua populasi yang ada.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan dalam pemerolehan data. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Set soal selidik bertujuan untuk memudahkan penyelidik menganalisis data yang diperoleh nanti. Menurut Majid (1993), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran yang dibenarkan oleh sampel kerana soal selidik tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Borang soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan bahagian B. Naskah soal selidik ini diedarkan secara langsung kepada responden oleh penyelidik.

### **Bahagian A**

Bahagian A ini mengandungi lima item mengenai maklumat diri responden seperti jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan dan bilangan pekerja. Responden perlu menandakan ruang yang telah disediakan. Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang responden.

### **Bahagian B**

Bahagian B pula, terdiri daripada 30 soalan yang dibentuk untuk tujuan mendapatkan pandangan serta menjawab tiga (3) persoalan kajian.

1. Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam mempraktikkan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja?
2. Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan di tempat kerja?
3. Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam memberikan motivasi kepada pekerja untuk bekerja dengan selamat di tempat kerja?

## Kajian Rintis

Menurut Najib (1999), saiz sampel rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6 – 9 orang). Oleh yang sedemikian, seramai 10 orang responden telah dipilih penyelidik sebagai sampel dalam kajian rintis yang telah dijalankan. Kesemua sampel untuk tujuan kajian rintis ini diambil berdasarkan kepada latar belakang responden dalam kajian sebenar, tetapi mereka bukan terdiri daripada sampel untuk tujuan kajian sebenar kelak. Dengan kata mudah, sampel kajian rintis ini tidak akan digunakan bagi tujuan kajian yang sebenar Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap kefahaman soalan, mengetahui reaksi awal dan mengesan kesalahan-kesalahan yang dianggap ketara dalam item persoalan yang dibentuk tersebut.

Kajian rintis ini telah dijalankan pada 25 Januari 2008 di kawasan tumpuan pengusaha industri kecil desa daerah Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Sepuluh orang responden yang terdiri dari pengusaha industri kecil desa telah dipilih secara rawak untuk tujuan kajian rintis ini.

Dalam kajian rintis yang telah dijalankan, penyelidik telah menyemak item-item dan menganalisis dengan menggunakan perisian SPSS 12.0 for Windows. Pekali *Alpha Cronbach* dalam perisian ini digunakan untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan. Dapatan yang diperolehi daripada analisis untuk kajian rintis ini menunjukkan nilai *Alpha Cronbachnya* adalah bersamaan dengan 0.871 dari 10 orang responden dengan jumlah item persoalan dalam menjawab soalan kajian sebanyak 30 soalan. Sekiranya nilai *Alpha Cronbach* 0.8 keatas, item persoalan yang dibentuk penyelidik untuk tujuan kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima. (Mohamad Najib, 1999).

## Keputusan

Analisis bahagian ini adalah bertujuan untuk meunjukkan purata peratusan secara keseluruhan mengikut persoalan kajian dalam penyelidikan yang dijalankan.

**Jadual 1:** Purata peratusan bagi keseluruhan persoalan kajian mengenai tanggungjawab majikan industri kecil desa.

Bil	Persoalan Kajian	Purata Peratusan Setiap Persolan Kajian (%)		
		Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju
1.	Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam mempraktikkan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja.	52.2	16.8	31.0
2.	Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan di tempat kerja.	91.9	2.6	5.5
3.	Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam memberikan motivasi kepada pekerja untuk bekerja dengan selamat di tempat kerja.	87.5	4.5	8.0
Purata Peratusan Keseluruhan Persolan Kajian		77.2	8	14.8

Secara keseluruhannya, pihak majikan industri kecil desa di tiga buah kampong Mukim Ulu Lepar, Kuantan Pahang sememangnya peka dan sedar dengan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan pekerjaan di tempat kerja. Jadual 1 diatas menunjukkan purata peratusan keseluruhan persoalan kajian yang setuju ialah 77.2% dan tidak setuju hanya 14.8%. Manakala peratusan selebihnya ialah hanya 8% untuk jawapan tidak pasti. Justeru itu, keadaan ini menggambarkan bahawa tahap penglibatan pihak majikan ini dalam menjalankan tanggungjawab terhadap aspek keselamatan pekerjaan di tempat kerja adalah tinggi.

### **Perbincangan**

#### **Penglibatan pihak majikan dalam mempraktikkan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja.**

Secara ringkasnya, kajian ini telah menunjukkan tahap penglibatan pihak majikan adalah tinggi dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap elemen keselamatan pekerja semasa di tempat kerja. Keadaan ini sememangnya dimahukan berikutan sebagai pihak majikan, mereka seharusnya perlu peka dan sedar akan tanggungjawabnya terhadap kebajikan pekerja amnya serta keselamatan pekerja khasnya. Tambahan lagi, sebagai pihak majikan juga mereka merupakan pemangkin utama untuk mendidik tenaga kerja supaya dapat memberikan sumbangan positif yang besar kepada negara.

Justeru itu, pihak majikan yang menjalankan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan pekerjanya di tempat kerja secara proaktif jelas sekali akan dapat meningkatkan kualiti pengurusan serta tahap keselamatan di tempat kerja. Keadaan sedemikian adalah bersesuaian dengan Akta KKP 1994:Akta 514, Seksyen 15 (1) menyatakan kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan, dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

Berpandukan kepada pengalaman yang ada, pihak majikan dapat menilai mental dan emosi yang dibina, serta bagaimana untuk menjanakkannya dalam rangka kerja yang dirancang. Pihak majikan yang mempunyai semangat yang kuat akan menyumbangkan prestasi kerja yang terbaik. Penilaian kendiri ini akan membolehkan pihak majikan menilai dirinya dengan penampilan yang baru dan memberikan pemahaman terhadap kekuatan dan tanggungjawab yang dapat membentuk seseorang majikan yang berjaya.

#### **Penglibatan pihak majikan dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan untuk mengenalpasti bahaya-bahaya yang wujud.**

Dapatan persoalan kajian dua menunjukkan pihak majikan telah terlibat dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan untuk mengenalpasti bahaya-bahaya yang wujud. Dalam menjalankan program keselamatan, sasaran keselamatan perlu ada, pemantauan harus dijalankan dan maklumbalas mesti diperolehi bagi setiap aktiviti (Mattila dan Hyodynmaa, 1998).

Prosedur penyeliaan sebenarnya bergantung kepada jenis kawasan tempat kerja itu sendiri. Objektif yang utama dalam menjalankan penyeliaan ini adalah untuk menentukan semuanya dalam keadaan yang memuaskan dan bukanlah untuk mencari apa yang salah. Dalam menjalankan penyeliaan pihak majikan perlu mengkaji dan mengenalpasti aktiviti yang boleh menyebabkan bahaya dan perlakuan tidak selamat (Rivell, 1995). Kemudian analisa perlu dilakukan ke atas keadaan yang bahaya ini dan seterusnya membetulkannya.

Persediaan sebenarnya adalah keperluan yang mustahak dalam menjalankan penyeliaan yang efektif. Sebelum menjalankan sesuatu penyeliaan, kemalangankemalangan yang pernah berlaku sebelum ini

mestilah sudah dianalisa sepenuhnya. Pada ketika ini, rekod-rekod dan senarai semak amat penting serta amat diperlukan. Pihak majikan perlu menjalankan penyeliaan, mengisi senarai semak keadaan tempat kerja dan memberikan tunjuk ajar kepada pekerja (Buettner, 1995). Penyeliaan sebenarnya perlu dilakukan meliputi semua kawasan dan pelbagai pekara. Penekanan harus dilakukan ke atas punca-punca kemalangan berlaku bukannya dengan menyalahkan sesiapa. Disamping itu, kita juga perlu cuba mengenalpasti apa yang berlaku dan kenapa ia berlaku.

### **Penglibatan pihak majikan dalam memberikan motivasi kepada pekerja untuk bekerja dengan selamat di tempat kerja.**

Asas kepada proses pembelajaran adalah minat pelajar untuk belajar. Tanpa minat untuk mendapatkan pengetahuan dirasakan susah dan banyak penghalang. Begitu juga dalam menggalakkan para pekerja mengamalkan cara kerja yang selamat. Dapatan persoalan kajian yang ke tiga dengan purata peratusan bersetuju yang tinggi sebanyak 87.5% menunjukkan pihak majikan telah terlibat secara langsung dalam memberikan motivasi kepada pekerja untuk bekerja dengan cara selamat. Memberi motivasi adalah sebahagian daripada tanggungjawab pihak majikan dalam menimbulkan minat kepada pekerjanya untuk mengamalkan cara kerja yang selamat. Bagaimanapun asas kepada motivasi adalah persediaan pekerja untuk menerima supaya pekerja cepat faham dan seterusnya membina kesedaran terhadap keselamatan.

Majikan adalah kunci kepada setiap program untuk membentuk dan mengekalkan minat terhadap keselamatan kerana pihak majikan bertanggungjawab untuk menterjemahkan polisi pengurusan kepada tindakan dan mempromosi aktiviti keselamatan kepada orang yang di bawahnya. Sejauhmana ia menjalankan tanggungjawab ini akan menentukan sebanyak mana pekerja dapat menerima aktiviti keselamatan. Cara yang paling efektif untuk menarik minat pekerja ialah dengan memahami mereka. Para majikan perlu tahu apa yang diperlukan, apakah kemahuan pekerja dan cara mereka berfikir. Oleh itu, mengetahui pekara yang dapat menarik perhatian pekerja dan pekara yang tidak disukai oleh mereka adalah penting kerana ini akan membuatkan mereka berasa lebih selesa dan yakin membuat kerja (Valentine, 1995).

Cara lain untuk memberi motivasi kepada pekerja adalah dengan menjadi contoh (role model) kepada pekerja. Sebagai contoh perumpamaan situasi seperti sebelum menyuruh pekerja mengamalkan cara kerja yang selamat pihak majikan perlu terlebih dahulu untuk melakukannya. Majikan hendaklah menunjukkan contoh dengan melakukan kerja dengan cara kerja yang selamat dan dapat mengawal keadaan di tempat kerja dengan baik (Pendered, 1995). Dengan kata lain, pihak majikan mestilah menunjukkan tingkah laku yang mereka ingin pekerja mengikutinya.

Apabila pihak majikan mengatakan sesuatu tetapi melakukan sebaliknya ini akan memberikan kesan yang kurang baik berbanding jika majikan melakukan apa yang mereka katakan (Meger, 1998). Tambahan lagi, perlakuan yang diperlukan dan yang patut dielakkan adalah di pengaruhi oleh apa yang dilakukan serta dikatakan oleh majikan. Walaubagaimanapun untuk mendapatkan hasil yang lebih mantap, disiplin adalah pekara penting yang perlu diamalkan (Walsh, 1990). Wujudnya disiplin dalam diri para pekerja dan pihak majikan segala-galanya akan dapat dilakukan dengan baik dan berjaya.

### **Rumusan**

Tanggungjawab pihak majikan terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja perlu dilihat sebagai satu komponen yang penting dalam mencegah daripada berlakunya risiko kemalangan. Pengabaian tanggungjawab ini boleh menyebabkan implikasi yang besar tehadap pekerja itu sendiri, majikan serta negara.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pihak majikan telah menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya dalam program keselamatan pekerja. Ini bertepatan dengan peraturan dan tugas seperti yang dinyatakan dalam Akta KKP 1974. Perlaksanaan ini haruslah diteruskan bagi meningkatkan kualiti keselamatan di tempat kerja dan mendidik para pekerja melakukan amalan pekerjaan yang selamat dan teratur. Ia bukan sahaja boleh diaplikasikan semasa di tempat kerja pekerja tetapi dapat juga digunakan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

## Rujukan

- Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd. Majid Konting (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan : Satu Pengenalan*. Serdang, Selangor : Penerbit UPM.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Kuala Lumpur : PNMB, 1994
- Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan-Peraturan (2002). Kuala Lumpur: MDC Publishers Printers Sdn.Bhd
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Chamhuri Siwar, Abdul Hamid Jaafar dan Ahmad Mad Zin (1995). *Industri Desa Semenanjung Malaysia*. Penerbit UKM Malaysia, Bangi.
- Colle, Ronald (1971). *Industry Safety Technique*. New Jersey: Mc Graw Hill Book Company
- Dessler,D (1997). *Human Resource Management*, Edisi ke-5. New Jersey: Prentice Hall International
- Dr. Mohamad Nizam Jemoin dan Prof. Dr. Krishna Gopal Rampal (2006). *Garis Panduan bagi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Habibah Elias dan Rahil Hj. Mahyudin (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Hanafiah Hashim (1999). *Sebelum Bekerja Fikir Keselamatan di Tempat Kerja*. DewanEkonomi
- Heinrich, H.W. (1999). *Industrial Accident Prevention: A Scientific Approach*. 4<sup>th</sup> Edition. McGraw Hill Book Co.
- Heinrich, H. W. (1969). *Industrial Accident Prevention*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Industri Engkar Nahas Di Tempat Kerja Meningkat. (1998, 2 Sept). Utusan Malaysia.
- Ismail Bahri (2006). *Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan*. UKM. Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd
- Johari Shamsudin (1994). *Amalan Peraturan Keselamatan Bengkel Kursus Amalan Bengkel Mesin di Sekolah Menengah Vokasional : Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (1994). *Peruntukan Utama Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994*. Malaysia: Nobles Press Sdn.Bhd.